Sorotan Penting
Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran pada 2018

Kestabilan kewangan domestik terpelihara

Risiko kepada kestabilan kewangan sebahagian besarnya terkawal

- Keadaan pasaran kewangan teratur
- Keupayaan isi rumah dan sektor perniagaan membayar balik hutang adalah mampan
- Permintaan yang kukuh terhadap perumahan mampu milik menyokong pelarasan yang berterusan ke arah pasaran perumahan yang lebih mampan
- Risiko daripada dedahan luaran bank dan syarikat adalah terurus

Institusi kewangan terus berdaya tahan dengan penampan yang kukuh

Sektor perbankan		Sektor insurans dan takaful	
Nisbah modal CET 1	13.1%	Nisbah kecukupan modal	245%
Nisbah pinjaman terjejas bersih	0.9%		
Nisbah perlindungan kerugian pinjaman	97.9%		

- Mudah tunai sistem perbankan mencukupi termasuk di bawah senario tekanan
- Kualiti aset terus bertambah baik

Pengantaraan kewangan terus menyokong aktiviti ekonomi

Akses kepada pembiayaan yang berterusan bagi isi rumah dan sektor perniagaan

Pertumbuhan tahunan

Pembiayaan kepada:



Perkembangan insurans dan takaful diiringi dengan liputan yang lebih luas dan pasaran yang lebih berdaya saing

Pertumbuhan tahunan

Premium dan sumbangan | **4.9%**

Mengupayakan perkhidmatan kewangan yang inovatif dan inklusif:

- ***Sandbox* Pengawalseliaan Khas**
  untuk menguji inovasi berimpak tinggi
- **Hub Inovasi Digital**
  menggalakkan kewangan yang inklusif untuk segmen berpendapatan rendah
- **Agregator imSME**
  memadankan keperluan pembiayaan PKS dengan penyelesaian kewangan yang sesuai
- **API Terbuka**
  menyokong akses dan kualiti yang lebih baik dalam perkhidmatan kewangan melalui akses yang lancar untuk mendapatkan data

Kemajuan penting yang dicapai pada tahun 2018:

- 29,500 polisi dijual di bawah Perlindungan Tenang untuk melindungi rakyat Malaysia yang kurang mendapat perkhidmatan insurans dan takaful
- Skim perlindungan nasional B40 diperkenalkan
- Lebih banyak inovasi dan penetapan harga yang lebih berbeza untuk perlindungan kebakaran & motor

Perpindahan selanjutnya kepada e-pembayaran

Usaha berterusan untuk menggantikan penggunaan wang tunai dan cek mencapai momentum yang lebih pantas

- **>50%** — **Pengurangan jumlah penggunaan cek** (sejak tahun 2011)
- **0.3%** — **Penurunan nisbah wang tunai dalam edaran kepada KDNK** (antara tahun 2016 - 2018) berbanding dengan (antara tahun 2013 - 2015: +0.4%)

- **Penggunaan kad debit yang lebih meluas**
  melalui pertambahan terminal POS di seluruh negara
- **Peningkatan ketara dalam pembayaran mudah alih**
  untuk urus niaga bernilai rendah
- **Perkhidmatan pindahan kredit mencapai kemajuan**

Tumpuan berterusan pada usaha meningkatkan integriti kewangan

Pematuhan teknikal Malaysia terhadap rangka kerja AML/CFT dinaik taraf oleh Pasukan Petugas Tindakan Kewangan

Kemajuan selanjutnya dicapai untuk mengukuhkan perlindungan terhadap risiko pengubahan wang haram & pembiayaan keganasan

- **Pelaporan transaksi tunai dikurangkan daripada RM50,000 kepada RM25,000 berkuat kuasa 1 Jan 2019**
- **Menjalankan kajian tentang pengenalan had urus niaga tunai dalam seluruh ekonomi**
- **Mengkaji semula Akta MSB 2011 untuk mengukuhkan penguatkuasaan terhadap aktiviti MSB haram**
- **Meningkatkan penggunaan analisis data untuk penyeliaan dan pengawasan**
- **Menyiarkan tindakan penguatkuasaan**

Sumber: Bank Negara Malaysia

Sorotan Penting
Rencana

Memahami Pembiayaan melalui Lensa Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)

Penemuan utama kaji selidik...

1) Kesukaran untuk mengakses pembiayaan bukanlah kekangan utama kepada pertumbuhan PKS

PKS terus mendapat akses kepada pembiayaan

- **22%** responden memohon pembiayaan
- **94%** permohonan pembiayaan diluluskan
- **87%** pembiayaan dikeluarkan dalam tempoh sebulan

2) Halangan pembiayaan yang lazim dalam kalangan beberapa PKS

- **Dokumen tidak mencukupi**
- **Aliran wang tunai tidak mencukupi untuk pembayaran balik**
- **Pelan perniagaan tidak berdaya maju**
- **Kurang kesedaran**

Usaha secara holistic untuk menambah baik ekosistem pembiayaan

Keutamaan dasar yang sedia ada terus relevan untuk menyokong pertumbuhan PKS

Menggalakkan lebih banyak inovasi daripada institusi kewangan	**Mempertingkatkan kecekapan proses pembiayaan**
Mengukuhkan keupayaan kewangan PKS	**Meningkatkan produk penambahbaikan kredit**

Bidang pembangunan selanjutnya bagi memenuhi keperluan pembiayaan yang baru muncul bagi PKS:

- **Mewujudkan rangka kerja urus niaga yang selamat** untuk meluaskan rangkaian aset yang boleh digunakan sebagai cagaran
- **Memformalkan syarikat yang tidak berdaftar** melalui proses pendaftaran perniagaan yang diperkemas, insentif yang sesuai dan peluang akses kepada pasaran
- **Menggalakkan kewangan alternatif** dengan ciri-ciri risiko-pulangan yang melengkapi pembiayaan bank

Memperluaskan Perlindungan Insurans dan Takaful untuk Golongan B40

Mengurangkan jurang perlindungan kumpulan pendapatan B40

mySalam Perlindungan B40

(Berkuat kuasa 1 January 2019)

- Manfaat serta-merta untuk perlindungan penyakit kritikal dan kemasukan ke hospital
- Ringkas dan mudah difahami
- Proses yang mudah untuk membuat tuntutan
- Menyediakan saluran khusus untuk semua pertanyaan dan tuntutan
- Sebagai pelengkap kepada Perlindungan Tenang
- Beroperasi pada kos, tanpa keuntungan

Mencapai matlamat jangka panjang dalam peralihan B40 ke pasaran insurans dan takaful swasta yang mampan

1 Menggalakkan pengambilan produk insurans dan takaful dalam kalangan B40

- Kesedaran mengenai insurans dan takaful
- Pemerkasaan melalui pendidikan
- Pengalaman positif melalui perkhidmatan yang berkualiti

2 Menggalakkan penawaran penyelesaian insurans dan takaful swasta yang mampu milik

- Memahami profil B40
- Pengalaman perkhidmatan secara langsung
- Inovasi ujian rintis termasuk penyelesaian secara digital

Mengukuhkan Budaya Risiko Pematuhan Syariah

Pematuhan yang berkesan terhadap prinsip Syariah amat penting untuk mengekalkan keyakinan dan kestabilan dalam Kewangan Islam

Struktur tadbir urus dua peringkat

I *Peringkat industri*

Majlis Penasihat Syariah
Memberikan kepastian & keseragaman tentang tafsiran Syariah

II *Peringkat institusi*

Jawatankuasa Syariah
Menasihati Lembaga Pengarah & pihak pengurusan tentang hal ehwal Syariah

Fungsi pengurusan risiko, semakan semula & audit berkaitan Syariah
Memberikan jaminan bebas tentang keberkesanan pematuhan Syariah

Amalan organisasi berasaskan Syariah dalam institusi kewangan Islam:

Menentukan nada dari atas
Tumpuan yang lebih kukuh terhadap norma budaya dan amalan organisasi yang menitikberatkan pematuhan Syariah

Barisan pertahanan pertama yang diperkukuh
Pemerkasaan dan akauntabiliti yang lebih tinggi kepada unit perniagaan untuk mengurus risiko berkaitan Syariah

Menyelaraskan rangka kerja insentif
Sistem ganjaran yang mengaitkan ukuran prestasi kepada jangkaan Syariah

Membina asas yang kukuh dalam pengetahuan dan penerapan Syariah
Amalan pengambilan pekerja yang diperkukuh serta peningkatan latihan dan pembangunan

Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah akan diperkukuh untuk menggalakkan pematuhan Syariah